

NOR Suzanna disuap pulut kuning oleh Nor Liana ketika bertemu, semalam.



NOR Suzanna memeluk ibunya, Nor Liana ketika tiba di KLIA, semalam.

Air mata lepas rindu

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@nstp.com.my

■ Mangsa sindiket dadah antarabangsa gembira akhirnya dapat pulang ke Malaysia

HARLAN METRO
27/03/2018 M/S 18

Sepang

“Gembira dapat pulang ke Malaysia dan pada masa sama, sedih apabila teringat yang saya tidak dengar cakap mak sebelum ini,” kata mangsa sindiket dadah antarabangsa, Nor Suzanna Azmi, 36.

Wanita itu ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, selepas tiba dari Lima, Peru hasil usaha Biro Kebajikan UMNO (BiKUM) dan BH dengan bantuan serta kerjasama Wisma Putra dan Kedutaan Malaysia di Peru.

Dia yang pulang ke tanah air bersama suami yang juga rakyat Peru, Garlin Lever

berkenaan dan disuapkan ke mulut wanita itu.

Menceritakan pengalamannya di negara orang, Nor Suzanna menyifatkan kehidupannya sangat perit, sekaligus menasihatkan rakyat Malaysia supaya berwaspada bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa sindiket dadah antarabangsa.

“Peritlah... janganlah buat. Saya bernasib baik sebab BiKUM bawa balik ke Malaysia dan kalau nasib tidak baik, memang saya terkandas di sana.

“Nasib baik saya terkandas di Peru dan jika berlaku di negara lain, mungkin saya sudah tidak bernyawa. Jadi

Nor Suzanna turut mengucapkan syukur kerana bertemu suaminya di negara itu yang banyak mengambil berat keadaan dirinya sepanjang di Peru.

“Pengalaman duduk negara orang memang perit dan sakit. Saya juga bernasib baik bertemu suami yang boleh menjaga saya dan dua anak,” katanya.

Sementara itu, Nor Liana berkata, dia menyifatkan pertemuan bersama anaknya ibarat dalam mimpi dan perasaannya bercampur-baur antara gembira dan sedih kerana tidak bertemu dalam tempoh yang lama.

“Sedih apabila teringat saya tidak dengar cakap mak sebelum ini Nor Suzanna”



DR Shamsul bertemu dengan Noor Azimah dan Nor Suzanna di KLIA.

“Sejak dia ditahan, kami melakukan pelbagai usaha termasuk memohon bantuan daripada UMNO untuk menyelesaikan masalah dihadapi Nor Suzanna.

“Setiap kali selepas solat, saya berdoa semoga ada hamba Allah yang dapat menyelesaikan masalah dihadapi kami dan mungkin itu rezeki anak saya apabila dapat bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sana pada 2016,” katanya.

Quispe Sánchez serta dua anak lelaki, Muhammad Duler Akasyah Salas Azmi dan Garlin Junior Quispe Azmi @ Huzaifah.

Terdahulu, sebaik bertemu ibunya, Nor Liana Maarof, 58, tangisan Nor Suzanna bertambah kuat sebelum kedua-dua mereka saling berpelukan melepaskan kerinduan selepas 12 tahun terpisah.

Dalam pertemuan itu, hajat Nor Suzanna untuk menikmati pulut kuning bersama sambal ikan bilis turut tercapai apabila ibunya

sebelum buat keputusan, lebih baik fikir sedalam-dalamnya," katanya.

Selain disambut ahli keluarga, ketibaan Nor Suzanna turut disambut Pengerusi BiKUM, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Turut dibawa pulang, seorang lagi mangsa sindiket dadah antarabangsa, Noor Azimah Sapie, 38, bersama anak perempuannya, Qistina Maisara Alarcon Sapie, 8, manakala suaminya warga Peru, Emilio Ignacio Alarcon Leon @Osman, 41, tidak bersama dan akan menyusul kemudian.

Hidup dalam ketakutan berakhir

Selangor: Tiada lagi episod hidup dalam ketakutan bimbang ditangkap pihak berkuasa malah dia kini tidak perlu 'berkurung' lagi dalam rumah menempuh kehidupan sebagai pendatang asing tanpa izin di negara orang.

Itu keadaan dialami wanita mangsa sindiket dadah antarabangsa, Noor Azimah Sapie, 38, selepas selamat kembali ke tanah air hasil usaha Biro Kebajikan UMNO (BiKUM) dan BH dengan bantuan serta kerjasama Wisma Putra dan Kedutaan Malaysia di Peru.

Menceritakan detik hitam menimpanya, Noor Azimah berkata, ketika berada

di negara orang, dia tidak berani keluar rumah kerana bimbang ditahan pihak berkuasa, sebaliknya hanya bergantung harap kepada suami.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana suami banyak membantu," katanya.

Selain Noor Azimah, seorang lagi mangsa sindiket dadah yang selamat tiba ke tanah air ialah Nor Suzanna Azmi, 36.

Dalam pada itu, Noor Azimah turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan serta membawanya pulang ke tanah air bersama anak perempuannya.

Mengimbas kembali kisah lalu, Nor Liana berkata, sebelum berlepas ke Peru, Nor Suzanna bekerja sebagai pembantu di Downtown Cheras.

"Dia bekerja membantu perniagaan di situ dan suatu hari, dia memaklumkan mahu pergi ke luar negara kerana menerima tawaran daripada rakannya.

"Saya tidak benarkan dia mengikuti tawaran itu kerana bimbang ditipu. Bagaimanapun, dia tiba-tiba hilang, puas kami cari dan akhirnya kami menerima berita dia ditahan di Peru," ka-